

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 17 JANUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
PAUTAN : <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/01/1053083/media-berperanan-bantu-kerajaan-bentuk-masyarakat-berinovasi-rafizi>

Media berperanan bantu kerajaan bentuk masyarakat berinovasi – Rafizi

PUTRAJAYA: Kerjasama kerajaan dan media termasuk dengan Kumpulan Media Prima Berhad (Media Prima) berfungsi membentuk masyarakat berinovasi dalam aspirasi menganjakkan negara ke ekonomi bernilai tinggi.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata ketika ini, ada beberapa idea yang bakal dipanjangkan dalam perbincangan lanjut bersama-sama Media Prima.

Beliau yang menerima kunjungan hormat kepemimpinan kanan Media Prima, diketuai Pengerusi Kumpulan Media Prima, Datuk Seri (Dr) Syed Hussian Aljunid, petang tadi di pejabatnya, turut membincangkan beberapa agenda ekonomi nasional.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada keseluruhan kepimpinan Media Prima yang hadir pada hari ini.

"Kita bincangkan mengenai beberapa agenda ekonomi nasional. Contohnya mengenai bagaimana peranan yang kita boleh mainkan di peringkat kementerian dan disambut oleh Media Prima untuk membentuk masyarakat yang berinovasi dan untuk kita anjakkan daripada ekonomi yang kita ada sekarang ke ekonomi bernilai tinggi.

"Kita perlu hasilkan budaya itu dalam masyarakat," katanya selepas kunjungan hormat di pejabatnya di Menara Prisma, di sini.

Yang turut hadir, Pengarang Urusan Kumpulan NSTP dan Pengarang Kumpulan BH, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Ketua Pegawai Eksekutif, Rangkaian Televisyen Media Prima dan Primeworks Studios, Datuk Khairul Anwar Salleh dan Pengurus Besar Kumpulan, Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan dan Pejabat Pengerusi Kumpulan Azlan Abdul Aziz.

Rafizi berkata, turut dibincangkan beberapa perspektif ekonomi yang membabitkan rakyat.

Beliau berkata, ia berikutan kerajaan ada dasar namun perkara itu perlu juga disambut dengan baik oleh rakyat dalam beberapa perkara.

Justeru, katanya, media seperti Media Prima ada peranan yang cukup penting memastikan kerajaan dan masyarakat serta industri bergerak ke arah yang sama.

Sementara itu, Ahmad Zaini berkata, kunjungan rasmi itu antara lain membincangkan bagaimana Media Prima boleh menjalankan kerjasama dengan Kementerian Ekonomi, dengan ia memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.

"Alhamdulillah kita mendapat maklum balas yang amat positif daripada pihak menteri bagaimana kita boleh membantu pihak menteri melaksanakan program yang dalam perancangan mereka, secara bekerjasama dengan Media Prima.

"Insya-Allah, selepas ini kita akan ada lagi perbincangan untuk memperincikan butiran lanjut mengenai program yang boleh kita jalinkan bersama dengan Kementerian Ekonomi," katanya.

Ahmad Zaini berkata, Rafizi turut berminat untuk menyahut jemputan Media Prima meninjau operasi Kumpulan itu.

"Sudah tentu setiap kali kita mengadakan kunjungan hormat dengan menteri kita akan menjemput.

"Yang Berhormat Menteri pun tadi berminat untuk datang dan insya-Allah kita akan uruskan lawatan itu nanti," katanya.



Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli menyambut kunjungan Pengerusi Kumpulan Media Prima Berhad (Media Prima), Datuk Seri (Dr) Syed Hussian Aljunid (dua dari kanan) sambil disaksikan Pengarang Urusan Kumpulan The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) merangkap Pengarang Kumpulan BH, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman (kiri) dan Pengurus Besar Kumpulan, Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan dan Pejabat Pengerusi Kumpulan, Azlan Abdul Aziz pada lawatan kumpulan Media Prima di Kementerian Ekonomi, Putrajaya, hari ini. NSTP/Aizuddin Saad